

NAMA
TINGKATAN

UJIAN BULAN OKTOBER
BAHASA MELAYU
TINGKATAN 3
BAHAGIAN A
[20 Markah]

Soalan 1 hingga Soalan 4

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. “Saya hendak _____ ekspedisi ke Gunung Jerai yang akan diadakan pada minggu depan,”kata Ayuna kepada San Yee.
A menghadiri
B menyertai
C mengawasi
D mendatangi
2. Kakak _____ tikar mengkuang di ruang tamu rumah nenek setelah dia selesai menyapu sampah.
A menebarkan
B membesarkan
C menerbangkan
D membentangkan
3. Cerita seram yang akan ditayangkan di pawagam itu bukan cerita _____ semata-mata tetapi diadaptasikan daripada kisah benar.
A rekaan
B tiruan
C buatan
D gubahan
4. Ketika kami bermain layang-layang di tepi sawah, _____ kami terdengar suara ibu memanggil kami pulang.
A samar-samar
B balam-balam
C nyaris-nyaris
D sayup-sayup

Soalan 5 dan Soalan 6

Ayat-ayat di bawah ini **mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.**

5. Semasa ceramah tentang teknik menjawab soalan itu diadakan, murid-murid telah diberi peluang untuk mengemukakan pelbagai soalan-soalan kepada penceramah tersebut. Tiada kesalahan.
- A
B C D
6. Segala pahit getir yang dialami oleh Puan Hanim untuk membesarkan keempat orang anaknya itu dihadapi dengan tabahnya. Tiada kesalahan.
- A B C D

Soalan 7 dan Soalan 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betulnya.

7. I. Firaz *menghirup* air kopi yang masih panas itu dengan perlahan-lahan.
II. Damia gemar bersiar-siar di taman rekreasi sambil *menghirup* udara yang segar.
III. Nyamuk Aedes selalunya *menghirup* darah mangsanya pada waktu siang.
IV. Tabiat *menghirup* rokok memudaratkan kesihatan dan mencemarkan alam sekitar.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
8. I. Sebelum beredar dari sini, dia sempat *membalas* senyuman saya.
II. Kanang dianugerahi pelbagai pingat sebagai *membalas* membalas jasa beliau.
III. Penduduk kampung sedang bekerjasama *membalas* sawah sejak pagi tadi.
IV. Saya belum sempat untuk *membalas* e-mel yang dikirimkan oleh sahabat saya dari Singapura.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 9 dan Soalan 10

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

9. Pelakon wanita yang terkenal itu berlakon watak sebagai seorang guru yang tegas dan garang.

- A melakonkan watak sebagai
- B berlakon perwatakan sebagai
- C melakonkan perwatakan sebagai
- D berlakon watak sebagai

10. Banyak pihak yang beranggapan bahawa mata pelajaran Sejarah dapat memupuk semangat cinta akan negara.

- A semangat cinta dengan negara
- B semangat cinta untuk negara
- C semangat cintakan negara
- D semangat cinta akan negara

Soalan 11 dan Soalan 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

11. I. Budak lelaki yang duduk di perhentian bas itu ialah kawan lama saya.
II. Perdana Menteri akan mengumumkan pelantikan beberapa orang menteri baharu pada petang.
III. Pak Hamid bekerja dengan gigihnya dari pagi hingga malam untuk menyara keluarganya.
IV. Pada zaman dahulu, manusia cuma berpandukan kepada cahaya bulan untuk bergerak-gerak pada waktu malam.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

12. I. Tiap hari, Adam berbasikal sejauh lima kilometer ke sekolah.
II. Rumah yang sudah using di hujung kampung itu milik bekas ketua kampung.
III. Ikan bakar yang dijual di Restoran Titiwangsa itu sungguh laris kerana rasanya yang enak.
IV. Selepas pulang dari tempat kerja, Pak Salim membantu isterinya menyiram pokok bunga di halaman rumah mereka.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

13. kemudahan awam yang disediakan di tempat rekreasi di negara kita sering dirosakkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.

- A Kemudahan awam menjadi mangsa kepada golongan yang tidak bertanggungjawab di tempat-tempat awam.
B Kerosakan kemudahan awam di negara kita terutamanya di tempat rekreasi dilakukan oleh orang awam.
C Di tempat rekreasi di negara kita banyak kemudahan awam yang masih dirosakkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.
D Golongan yang tidak bertanggungjawab sering merosakkan kemudahan awam yang disediakan di taman rekreasi di negara kita.

Soalan 14 dan Soalan 15

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

14.

Puan Hayati mengingatkan anaknya supaya sentiasa mengenang budi Pak Cik Malik yang banyak membantu mereka sekeluarga ketika mereka hidup susah.

Semua peribahasa yang berikut sesuai bagi menggambarkan situasi di atas, **kecuali**

- A hancur badan dikandung tanah, budi baik dikenang juga
B orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa
C jika kerbau dipegang talinya, jika manusia dipegang mulutnya
D hutang emas boleh dibayar, hutan budi dibawa mati

15. Pak Husin dapat menyiapkan tujuh buah bakul rotan sehari berkat ketekunan dan kerajinannya kerana sikapnya ibarat

- A ikan di dalam belat
- B anai-anai makan kayu
- C si kudung beroleh cincin
- D kiambang di air, akarnya tidak jejak di bumi

Soalan 16 hingga Soalan 20

Baca pantun di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PANTUN KASIH SAYANG

Buah mengkudu kusangka kandis,
Kandis terletak di dalam puan;
Gula madu kusangka manis,
Manis lagi senyuman tuan

Asap api di Tanjung Tuan,
Kuala Linggi bakaunya rendah;
Harap hati kepada tuan,
Langit tinggi kupandang rendah.

Anak udang meniti batang,
Berasa dahan terlmpai;
Melihat bulan di pagar bintang,
Bagaikan rasa hendak dicapai.

Jalan-jalan sepanjang jalan,
Singgah menyinggah di pagar orang;
Pura-pura mencari ayam,
Ekor mata di anak orang.

Bila masa dipanggil maut,
Cinta tidak berharga lagi;
Asam di darat ikan di laut,
Sampai masa berjumpa lagi.

(Dipetik daripada antologi Baik Budi, Indah Bahasa, Tingkatan 2, Arah Pendidikan Sdn. Bhd.)

Anak udang meniti batang.

16. Gaya bahasa yang sesuai dengan baris pantun di atas ialah

- A simile
- B metafora
- C anafora
- D personifikasi

17. Yang berikut ialah unsur alam yang terdapat dalam pantun, **kecuali**

- A tuan
- B udang
- C bulan
- D mengkudu

18. Apakah maksud

*Asam di darat ikan di laut
Sampai masa berjumpa lagi?*

- A** Sekiranya kita bersungguh-sungguh, kita pasti akan menemukan cara untuk menyelesaikan sesuatu masalah.
- B** Kalau seseorang mempunyai cita-cita, dia akan berusaha untuk mencapainya.
- C** Orang yang berkelahi atau bertengkar akan berbaik-baik kembali.
- D** Perempuan dan lelaki kalau sudah jodoh akan bertemu akhirnya.

19. Amalan saling menyayangi dalam masyarakat dapat

- A** meningkatkan ekonomi negara.
- B** memastikan orang lain Berjaya dalam pelajaran.
- C** menasihati masyarakat yang berkelakuan buruk.
- D** membentuk masyarakat yang berkeperibadian mulia.

20. Pada pendapat anda, apakah cara yang paling sesuai untuk melahirkan masyarakat yang penyayang?

- A** Mencampuri urusan orang lain
- B** Menyertai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang diadakan
- C** Memulaukan individu yang tidak bergaul dengan orang lain
- D** Mendenda sesiapa yang tidak menunjukkan perasaan kasih sayang

BAHAGIAN B

[25 Markah]

Soalan 1(a)

*Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Gariskan kesalahan bahasa dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- i. Selain persekitaran yang indah, kami tertarik dengan keindahan seni bina rumah di kawasan tersebut.

- ii. Pihak sekolah mempunyai senarai nama-nama murid yang terlibat dalam kes ponteng sekolah sejak dua minggu lepas.

[2 markah]

Soalan 1(b)

*Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- i. Cuaca yang lembab dan tidak menentu semakin menyukarkan usaha-usaha mencari dan menyelamatkan mangsa tanah runtuh itu.

- ii. Kegiatan pembalakan tidak dibenarkan di kawasan tersebut kerana dikhuatiri akan merosakkan eko-sistem habitat di situ.

- iii. Peningkatan jumlah pengangguran akibat kelembapan ekonomi global pasti memberikan kesan terhadap ekonomi negara.

[3 markah]